

GENERAL**KENYATAAN RASMI KRISIS COVID-19: PINDAAN TARikh
KEMASUKAN PELAJAR SECARA FIZIKAL KE KAMPUS PADA
SEMESTER II, SESI AKADEMIK 2020/2021**

8 February 2021

1. Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung Kemasukan Pelajar Secara Fizikal ke Kampus Pada Semester II, 2020/2021 bertarikh 2 Februari 2021 dan berkaitan pengumuman kerajaan mengenai pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi seluruh negeri kecuali Sarawak sehingga 18 Februari 2021. Sehubungan itu, universiti telah bersetuju untuk membuat penyelarasan semula tarikh kemasukan pelajar secara fizikal seperti berikut:



Kategori Pelajar (Semenanjung Malaysia dan Antarabangsa)	Tarikh
i. Semua Pelajar Program Teknologi (termasuk pelajar baharu kemasukan Semester II, Sesi Akademik 2020/2021) <i>(Kod Program: BVE, BVI, BVM, BVW, BVA, BVF)</i>	Tarikh Asal: 15,16,17 dan 18 Februari 2021 Pindaan Tarikh Baharu: 6 Mac 2021
ii. Semua Pelajar Program Kerjasama UMP-Universiti Jerman (termasuk pelajar baharu kemasukan Semester II, Sesi Akademik 2020/2021) <i>(Kod Program: BHM, BHA, BPN)</i>	
iii. Pelajar Tahun 3 dan Tahun Akhir (yang tidak layak mengikuti Latihan Industri), Program Teknologi Kejuruteraan <i>(Kod Program: BTE, BTW, BTS, BTM, BTV, BTC, BTF, BTK, BTO)</i>	Tarikh Asal: 15,16,17 dan 18 Februari 2021 Pindaan Tarikh Baharu: 6 dan 7 Mac 2021
iv. Pelajar Tahun 3 dan Tahun Akhir (yang tidak layak mengikuti Latihan Industri), Program Pengurusan Teknologi Industri <i>(Kod Program: BPT)</i>	
v. Pelajar Tahun 3 dan Tahun Akhir (yang tidak layak mengikuti Latihan Industri), Fakulti Sains dan Teknologi Industri <i>(Kod Program: BSK, BSB, BSP, BPS)</i>	
vi. Pelajar Tahun Akhir, Program Kejuruteraan <i>(Kod Program: BAA, BKC, BMM, BMA, BEP, BEE, BFF, BFM)</i>	Tarikh Asal: 15,16,17 dan 18 Februari 2021
vii. Pelajar Tahun Akhir (Tahun 2, Sesi Akademik 2020/2021), Program Diploma <i>(Kod Program: DMM, DKC, DEE, DAA, DCS)</i>	Pindaan Tarikh Baharu: 13 dan 14 Mac 2021
viii. Pelajar baharu Antarabangsa Kemasukan Sesi Akademik 2020/2021 (kecuali dari United Kingdom).	
ix. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU)	Tarikh Asal: 15,16,17 dan 18 Februari 2021
x. Pelajar Pascasiswazah yang berkeperluan dengan aktiviti makmal	
xi. Pelajar yang telah diluluskan permohonan kembali ke kampus. (Tidak mempunyai akses Internet dan tidak mempunyai persekitaran pembelajaran yang kondusif)	Pindaan Tarikh Baharu: 20 dan 21 Mac 2021
Kategori Pelajar (Sabah, Sarawak dan Labuan)	
xii. Semua Pelajar (Kanan dan Baharu Kemasukan Semester II, Sesi Akademik 2020/2021) dari Sabah, Sarawak dan Labuan (Pelajar perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing sebelum hadir ke kampus)	Tarikh Asal: 1 Mac 2021 Pindaan Tarikh Baharu: 20 dan 21 Mac 2021

2. Bagi pelajar kategori (xi), iaitu yang tidak mempunyai akses internet dan tidak mempunyai persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian, pelajar boleh melengkapkan borang permohonan kembali ke kampus melalui

link: <https://forms.gle/QryLUxn2UFPADroA8> sebelum atau pada **7 Februari 2021**. Pelajar boleh menghubungi pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) di talian 09-424 5450 untuk mengetahui keputusan permohonan kembali ke kampus **bermula 10 Februari 2021**.

3. Semua Kategori Pelajar perlu mengesahkan kehadiran melalui <https://community.ump.edu.my/Sistem> Pulang Ke Kampus yang akan **dibuka bermula 8 Februari 2021** bagi tujuan penyelarasan kemasukan di universiti. Pelajar boleh memuat turun Surat Kebenaran Merentas Negeri apabila pelajar selesai mengesahkan kehadiran pelajar ke kampus.
4. Bagi para pelajar yang memerlukan keterangan lanjut, pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan, UMP di talian 09-549 3333 (UMP Kampus Gambang) dan 09-424 6999 (UMP Pekan) untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat dan prosedur yang berkaitan. Sebarang perubahan tertakluk kepada ketetapan dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
4 Februari 2021**

TAGS / KEYWORDS

[COVID19](#)